

Langkah bersama-sama

Oleh Mohd Zaini Othman
bhvarsiti@bh.com.my

► Nilai

» *Visi 'Membangunkan akal dan jiwa masyarakat USIM demi kecemerlangan ummah'*



Abdul Muiz (dua dari kanan) menerima dokumen serah tugas daripada Mohd Azmil.

Kepemimpinan baharu Majlis Perwakilan. Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memberi penekanan kepada empat bidang tujuan utama bersama-sama slogan 'Langkah Ini Langkah Kita Bersama'.

Aspek terbabit ialah penumpuan dan penyusunan spiritual mahasiswa, mem-

perkasakan intelektual mahasiswa, memperkenalkan Gagasan Kebajikan Universiti dan mahasiswi aset berharga varsiti.

Yang Dipertua MPP USIM Sesi 2014/2015, Abdul Muiz Abdul Hakim, berkata barisan kepemimpinan baharu itu juga akan bekerja bersama-sama pengurusan universiti untuk menjayakan

Pelan Strategik USIM 2013-2025.

Bersandarkan visi 'Membangunkan akal dan jiwa masyarakat USIM demi kecemerlangan ummah', beliau berkata, mereka juga akan membawa aspirasi universiti untuk mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli dalam setiap agenda serta program yang dilaksanakan nanti.



Abdul Muiz (depan) mengetuai bacaan ikrar ahli MPP USIM Sesi 2014/2015.



MAHASISWI USIM YANG MELIPUTI LEBIH 70 PERATUS KESELURUHAN PELAJAR DI KAMPUS INI MEMBERIKAN IMPAK SANGAT BESAR KEPADA UNIVERSITI"

Abdul Muiz
Abdul Hakim
Yang Dipertua MPP
USIM

Impak besar

"Portfolio Timbalan Yang Dipertua yang disandang oleh Nurul 'Atikah Mohammad Shafii akan menekankan peranan dan posisi mahasiswi secara berkesan dalam kampus melalui program pembinaan bersesuaian.

"Mahasiswi USIM yang meliputi lebih 70 peratus daripada keseluruhan pelajar di kampus ini memberikan impak sangat besar kepada universiti," katanya dalam ucapan sulung sebagai Yang Dipertua MPP, di sini.

Pada pemilihan MPP USIM, baru-baru ini, Abdul Muiz yang juga pelajar Fakulti Syariah dan Undang-undang memperoleh sokongan tertinggi 6,706 undi, manakala Nurul 'Atikah daripada Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan mendapat 6,528 undi dalam pertandingan Kerusi Umum.

Serah watikah

Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad, me-

nyempurnakan majlis penyerahan watikah kepada 24 ahli MPP baharu bersempena dengan Majlis Amanat Perdana Naib Canselor Bersama Pelajar Baharu Sarjana Muda Sesi Akademik 2014/2015, baru-baru ini.

Majlis itu turut menyaksikan Abdul Muiz menerima dokumen serah tugas daripada mantan Yang Dipertua MPP Sesi 2013/2014, Mohd Azmil Abu Seman, selain penyampaian sijil penghargaan kepada bekas ahli MPP USIM Sesi 2013/2014, dan lafaz ikrar barisan kepemimpinan baharu.

Yang turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dollah; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Datuk Dr Mustafa Mohd Hanefah; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Zulkiple Abd Ghani (menjalankan tugas); serta pegawai pengurusan kanan universiti.

Kuala Lumpur: Ahli Permuafakatan Siswa Siswi FELDA (PERSADA) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Siti Susila Mohd Rafie, menerima Anugerah Mahasiswa Harapan PERSADA, baru-baru ini.

Penganugerahan bersempena dengan Program Memperkasa Jati Diri PERSADA itu berdasarkan komitmen tinggi Siti Susila dalam aktiviti kemahasiswaan, selain aktif menyertai program anjuran PERSADA.

Pelajar di Fakulti Psikologi dan Pendidikan itu yang berasal dari FELDA Triang 3, Bera, Pahang, juga memiliki rekod pencapaian akademik yang konsisten serta membebangsangkan.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, berkata universiti itu sentiasa berusaha memastikan pelajar mereka diterapkan pelbagai kemahiran insaniah

dan berdaya saing.

Minda kelas pertama

"Kita mahu membentuk mahasiswa minda kelas pertama bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi semua aspek, termasuk aktiviti kokurikulum dan kegiatan yang memberi impak positif kepada masyarakat," katanya sambil mengucapkan tahniah atas pencapaian Siti Susila.

Penyampaian anugerah kepada Siti Susila itu disempurnakan oleh Pengarah Besar FELDA, Datuk Faizoull Ahmad.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof Madya Dr Ismail Ali, turut berbangga dengan pencapaian Siti Susila.

"Saya berharap pelajar lain mencontohi Siti Susila yang aktif menyertai aktiviti kemahasiswaan anjuran universiti," katanya.

Pelajar UMS terima anugerah PERSADA



UNIVERSITI ITU SENTIASA BERUSAHA MEMASTIKAN PELAJARNYA DITERAPKAN PELBAGAI KEMAHIRAN INSANIAH DAN BERDAYA SAING"

Prof Datuk Dr Mohd Harun
Abdullah
Naib Canselor UMS



Siti Susila menerima anugerah daripada Faizoull.